

**Tenaga nuklear: PM mahu pandangan rakyat
Malaysiakini.com
May 5, 2010**

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mahukan pandangan orang ramai mengenai masa depan penjanaan tenaga elektrik di Malaysia khususnya penggunaan nuklear.

"Adakah sebarang alternatif yang belum dipertimbangkan, yang benar-benar boleh meletakkan Malaysia sebagai pelopor revolusi bumi hijau?," katanya dalam blog www.1malaysia.com.my hari ini.

Najib berkata, ini kerana kerajaan sedang melakukan satu kajian kebolehlaksanaan terhadap penggunaan tenaga nuklear untuk menjana tenaga elektrik.

"Saya sangat berminat untuk lebih memahami dan mengetahui hasil kajian tersebut, jika kita memutuskan untuk meneruskan dengan penggunaan tenaga nuklear, 12 ke 15 tahun akan berlalu sebelum tenaga dapat dihasilkan dengan menggunakan reaktor kecil," katanya.

Beliau berkata, tidak dipertikaikan bahawa tenaga nuklear adalah efisien dan kos efektif, bagaimanapun, kerajaan perlu mengkaji sama ada ia pilihan yang tepat sebagai satu sumber baru tenaga di negara ini.

"Kita tidak akan bersendirian jika memilih untuk menggunakan tenaga nuklear, sebab itulah kita meninjau di seluruh dunia untuk belajar daripada negara lain dan mengambil perhatian daripada kemajuan teknologi dalam industri/sector ini," katanya.

Semalam, kerajaan telah memberi lampu hijau kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air untuk meneruskan rancangan bagi membina sebuah loji janakuasa nuklear negara yang pertama yang dijangka beroperasi menjelang 2021.

Najib berkata, adalah penting untuk negara menyimpan dan menguruskan sumber semula jadi khususnya sumber semula jadi tidak boleh diperbaharui yang amat terbatas dan akhirnya bekalannya akan kehabisan.

"Dalam hal ini, penggunaan bahan bakar semasa untuk menjana tenaga terlalu menjurus kepada penggunaan gas asli dan arang batu - bahan bakar bagi kebanyakan penjanaan tenaga elektrik kita.

"Ketidakseimbangan sedemikian perlu diperbetulkan dalam usaha kita untuk menjadi sebuah ekonomi yang menghasilkan kadar karbon yang rendah. Ketepikan pertimbangan alam sekitar, penggunaan arang batu dan gas asli secara berterusan selepas 2020 amat mahal dan merugikan," katanya.

Beli

au berkata, perkembangan ini menuntut penggunaan bahan bakar fosil secara bijaksana dalam jangka masa sederhana dan panjang serta berpindah kepada sumber tenaga alternatif yang lebih bersih dan cekap.

"Ini sebabnya kenapa inovasi menjadi sangat penting bagi kita menemukan kaedah baru supaya menjadi lebih efisien dalam usaha untuk menjadi sebuah negara maju.

"Selagi kita berkesempatan mempergunakan limpahan cahaya matahari yang terdapat di

negara kita, jangan pula kita lupa akan peluang yang mungkin terdapat daripada biojisim," katanya.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malysiakini.com/news/131036>